

# **BAB SATU**

## **BAB SATU : PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan : Latar Belakang Kajian**

Kelahiran peradaban Melayu merupakan hasil proses evolusi dan transformasi yang panjang. Kronologi peradaban ini diadun daripada zaman pra sejarah sehingga ke zaman Champa, Sriwijaya, Majapahit dan seterusnya ke zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 15. Melaka sebagai sebuah empayar yang luas dan berpengaruh di seluruh Tanah Melayu dan Sumatera telah bertindak sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang menghubungkan timur dan barat, juga sebagai pusat penyebaran agama dan ilmu pengetahuan. Justeru, peradaban ini turut berkembang mengikut arus perubahan masa.

Peradaban Melayu adalah hasil campuran dan olahan alam Melayu atau apa saja nama yang disamaertikan dengannya, seperti Yaradwipa, Golden Chersonese, Malay Archipelago, Tanah Jawi atau segala nama kuno yang merupakan petanda tentang wujudnya kesatuan, keutuhan wilayah budaya dan kewujudan sesuatu entiti dengan struktur dalamannya jelas bercirikan sifat Melayu.

Dari segi geografinya, alam Melayu meliputi kawasan yang luas. Ini termasuklah Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei, Singapura, Selatan Thailand, Indo-China dan berkembang ke kepulauan Pasifik di bahagian timur dan mencecah Malagasi di barat sehingga ke Taiwan ( Farmosa ) di bahagian utara. Mereka ini terdiri daripada beberapa

kumpulan dialek atau pengucapan bahasa yang mempunyai asas-asas keserumpunan. Alam Melayu juga merupakan satu daripada lima rumpun bangsa dan bahasa yang terbesar di dunia.<sup>1</sup>

## 1.2 Fokus Permasalahan

Islam sebagai agama atau al-din yang lengkap telah menetapkan satu garis panduan yang jelas mengenai semua perkara yang berkaitan dengan kehidupan insani. Beberapa kelonggaran turut diberikan kepada penganutnya untuk menentu dan menyesuaikan bagi hukum yang tidak terdapat di dalam nas dengan menggunakan beberapa kaedah yang dibenarkan kerana agama Islam amat mementingkan kesejahteraan sejagat. Ini juga membuktikan Islam sebagai agama yang fleksibel dan tidak rigid. Namun begitu proses penerimaan di kalangan masyarakat adalah berbeza dengan dipengaruhi oleh latar belakang masing-masing.

Kepelbagaiannya adat resam dan kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam telah diwarisi daripada generasi silam menjadikan masyarakat Islam menganggapnya sebagai satu kebenaran dan satu tuntutan yang mesti dipatuhi tanpa mengkajinya terlebih dahulu. Pegangan dan sanjungan terhadap adat resam dan kepercayaan hingga melampaui batas-batas agama sebenarnya tidak dibenarkan oleh syarak. Namun begitu, ternyata segelintir masyarakat memandang serius pematuhan terhadap adat resam. Ikutan secara membabi buta serta dipengaruhi oleh konotasi bahawa keengganan melakukannya akan mendatangkan malapetaka buruk, turut meningkatkan lagi kepatuhan terhadap adat

resam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Disusuli pula oleh kejadian atau peristiwa buruk yang berlaku secara kebetulan seolah-olah membenarkan pegangan tersebut.

Walaupun kebanyakan adat resam tidak lagi diamalkan sekarang dan kepercayaan telah berubah, namun amat perlu dipasti dan dijelaskan mengenai situasi tersebut sama ada ia didasarkan oleh pengetahuan penganut Islam atau di atas tuntutan kemodenan yang semakin melenyapkan kepercayaan terhadap perkara-perkara ghaib.

### **1.3 Metodologi Penyelidikan**

Di dalam menghasilkan sebuah kajian ilmiah, penulis cuba memberi tumpuan khusus di dalam memilih metod-metod yang bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak tajuk yang dipersembahkan. Melalui usaha ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar terhadap fokus penulisan. Penulis telah membahagikan penyelidikan kepada dua kaedah utama iaitu kaedah kajian perpustakaan dan kaedah kerja lapangan. Kaedah kajian perpustakaan adalah melibatkan penelitian terhadap dokumen. Penulis juga akan meneliti bahan-bahan yang tidak berjilid dan berjilid seperti bahan cetakan dan manuskrip. Manakala kaedah kajian lapangan pula melibatkan soal-selidik, pemerhatian, temubual dan wawancara. Adalah diharapkan melalui metod-metod tersebut dapat memberikan satu penyelesaian yang terbaik terhadap fokus persoalan penulis.

Adalah menjadi harapan penulis dengan menggunakan semua metod yang telah dinyatakan dapat memandu menghasilkan jawapan-jawapan yang bertepatan dengan perlakuan masyarakat semasa dan pastinya menjadi kewajipan penulis untuk mencernakannya dalam bentuk penulisan yang bertanggungjawab. Pemilihan metod-metod yang digunakan adalah berdasarkan kesesuaianya dengan topik penulisan tesis.

#### **1.4 Skop Kajian**

Penulisan ini khusus mengkaji dan melihat mengenai pengaruh peradaban sebagai fokus utama kajian. Pengaruh peradaban ini pula khusus memberi tumpuan terhadap peradaban Islam sebagai model utama dan perbandingan kajian. Sasaran kajian ini meliputi orang-orang Melayu beragama Islam yang bermastautin di Malaysia sahaja.

Kajian ini meliputi dua aspek khusus iaitu adat resam dan kepercayaan di kalangan orang-orang Melayu di Malaysia. Kedua-dua aspek ini pula meliputi kajian terhadap beberapa sudut khusus di dalam kehidupan masyarakat merangkumi perkara-perkara yang dibenar dan bercanggah dengan syarak.

Sebagai satu kajian yang mengkaji dari sudut pengaruh dan kesan suatu peradaban ke atas peradaban yang lain, maka sudah tentu kajian ini juga tidak dapat lari daripada membuat perbandingan demi memperlihatkan perbezaan sebagai hasil proses penyerapan tersebut. Tegasnya fokus utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana

kefahaman dan penghayatan masyarakat Melayu-Islam di dalam beriktiad dan mempraktikkan ajaran Islam.

### **1.5 Objektif Kajian**

Disertasi ini ditulis khusus bertujuan untuk mencapai objektif dan matlamat seperti yang telah digariskan.

Fokus utama kajian ialah untuk melihat proses Islamisasi yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia dan bagaimana mereka menterjemahkan ajaran tersebut ke dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Selaras dengan itu, kajian ini adalah untuk melihat perkembangan proses tersebut berlangsung yang melibatkan penerimaan, perkembangan dan penzahiran peradaban Islam dalam beberapa aspek daripada adat resam dan kepercayaan bangsa Melayu.

Tegasnya, kajian ini dapat memperjelaskan kedudukan adat resam dan kepercayaan penganut Islam di Malaysia sama ada berada di landasan syarak atau sebaliknya.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Untuk menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya mempelajari agama Islam dengan sempurna dan memahaminya dengan jelas. Justeru, masyarakat dapat membezakan antara adat dengan hukum serta tidak terkeliru di dalam mempraktikkannya serta dapat meletakkan keduanya di tempat yang sewajarnya dengan memberi keutamaan kepada hukum jika terdapat pertentangan di antara kedua-duanya.

Masyarakat juga tidak mudah terpengaruh dengan tekanan sosial di dalam mempraktikkan adat-adat di dalam kehidupan. Bahkan dapat pula memperbetulkan keadaan di samping membina pendirian dan keyakinan serta dapat membuat keputusan yang adil dengan berpegangkan ilmu pengetahuan yang dipelajari. Ini pastinya dapat melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertamadun di samping tahu menghargai norma-norma sosial di dalam kehidupan bermasyarakat.

Masyarakat akan lebih bijak menyesuaikan adat dengan memberi keutamaan kepada tuntutan hukum di samping dapat memartabatkan adat selari dengan tuntutan tersebut. Konsep saling lengkap melengkapi menjadikan kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Bak kata pepatah ‘hidup bersendikan adat, adat bersendikan hukum’. Kedudukan adat dan hukum tidak lagi dilihat sebagai satu saingan yang tidak boleh dikompromikan. Justeru, ini menjadi bukti dan meninggikan lagi syiar Islam sebagai agama yang lengkap dan sesuai sepanjang zaman.

## **1.7 Kerangka Ciri Peradaban & Teori Pertembungan Peradaban**

### **1.7.1 Ciri-ciri Peradaban**

Sebenarnya tidak terdapat satu garis panduan yang jelas untuk menentukan ciri-ciri khusus garis sempadan peradaban. Pembahagian dunia semasa Perang Dingin kepada Blok Barat dan Blok Komunis telah memberikan dua impak daripada perperangan tersebut iaitu penciptaan senjata nuklear dan permusuhan Amerika – Rusia. Namun begitu, sejarah telah pun menyaksikan kehancuran Blok Komunis pada tahun 1992. Pembahagian dunia akhirnya telah didasari oleh pecahan budaya dan peradaban sebagai teras utama persempadanan.

Satu peradaban adalah satu entiti budaya, kampung, wilayah, kumpulan, etnik, bangsa dan sesuatu kumpulan adalah berdasarkan agama, kesemuanya mempunyai budaya yang tersendiri pada tahap heterogeniti budaya. Oleh itu, budaya adalah satu bentuk pengukur dan pemisah sesuatu komuniti peradaban. Justeru, sesuatu peradaban adalah pengkelompokan manusia berdasarkan budaya yang paling tinggi dan identiti budaya yang amat luas dapat membezakan manusia daripada spesies yang lain. Ini dapat ditakrifkan oleh unsur objektif yang serupa seperti bahasa, sejarah, agama, adat, institusi dan oleh pengenalan diri yang subjektif.

Peradaban yang dimiliki oleh seseorang merupakan tahap pengenalan yang paling luas mengenai dirinya. Oleh itu seorang penduduk Rome boleh menakrifkan dirinya sebagai seorang Itali, seorang Katolik, seorang Kristian, seorang Eropah atau seorang

Barat. Malah ia boleh menakrif semula dirinya dan akibatnya boleh merubah komposisi dan sempadan peradaban.

Peradaban boleh melibatkan jumlah manusia yang besar seperti penduduk China (satu peradaban berandaian sebagai sebuah negara), seperti yang diistilahkan oleh Lucian Pye, atau suatu peradaban boleh melibatkan jumlah manusia yang kecil seperti orang Anglophone di Caribbean. Suatu peradaban juga boleh terdiri daripada banyak negara bangsa seperti peradaban barat, Amerika Latin dan peradaban Arab atau hanya satu bangsa seperti peradaban Jepun.

Tegasnya, selain budaya, tiada satu garis pengukur untuk menentukan garis sempadan peradaban. Ianya jelas bercampur-aduk dan saling tindih menindih. Peradaban juga boleh didapati dalam bentuk yang lebih kecil. Peradaban juga bersifat dinamis di mana peradaban boleh bangkit, jatuh, berpecah dan bersatu serta lenyap dan hilang mengikut peredaran masa.

Walaupun orang Barat cenderung berpendapat bahawa negara bangsa adalah pelaku utama dalam hal ehwal sejagat, namun peranan tersebut hanya boleh dimainkan untuk beberapa abad sahaja, sedangkan sejarah manusia pada keseluruhannya adalah sejarah peradaban. Justeru dalam “A Study of History”, Arnold Toynbee telah mengenalpasti 21 peradaban besar dan hanya enam daripadanya yang masih wujud hingga kini.<sup>2</sup>

### **1.7.2 Teori Pertembungan Peradaban<sup>3</sup>**

Identiti peradaban akan menjadi persoalan yang lebih penting pada masa hadapan dan sebahagian dunia akan dibentuk oleh interaksi antara tujuh atau lapan peradaban besar. Peradaban besar ini termasuklah peradaban Barat, Confucius, Jepun, Islam, Hindu, Slavic-Orthodox, Latin Amerika dan Afrika. Konflik dijangka berlaku di antara peradaban-peradaban besar disebabkan oleh beberapa faktor.

Pertama, perbezaan yang bersifat asasi di antara peradaban. Perbezaan ini bukan sahaja dilatari oleh agama tetapi sejarah, bahasa, budaya dan tradisi. Perbezaan ini sudah tentu menimbulkan penilaian yang berbeza tentang pandangan hidup, konsep ketuhanan dan perhubungan antara manusia serta pelbagai definisi lain. Perbezaan-perbezaan ini terus mantap dan berkembang di sepanjang tempoh pembinaannya.

Kedua, dunia ini semakin mengecil. Interaksi antara manusia daripada berlainan peradaban semakin bertambah. Justeru, peningkatan dalam interaksi ini memperdalamkan kesedaran terhadap perbezaan antara peradaban serta kelompok dalam peradaban itu sendiri. Contohnya, perpindahan orang Afrika Utara ke Perancis melahirkan permusuhan di kalangan orang-orang Perancis dan pada masa yang sama diterima baik oleh golongan Eropah Katolik Poland yang dianggap baik. Orang Amerika misalnya lebih bersifat negatif terhadap pelabur-pelabur Jepun daripada pelabur Kanada dan negara-negara Eropah yang lain.

Ketiga, proses pemodenan ekonomi dan perubahan sosial di seluruh dunia telah merubah identiti asal sesuatu bangsa. Proses ini juga turut melemahkan negara bangsa sebagai asas identiti. Percampuran budaya asing ke dalam budaya tempatan jelas lebih banyak memberikan kesan negatif serta menghakis perasaan patriotik dan melonggarkan kecintaan terhadap agama.

Keempat, kesedaran terhadap tamadun akan meningkat dan dipercepatkan oleh peranan yang dimainkan oleh Barat sendiri. Manakala bagi negara bukan Barat pula, sudah berlaku proses pengembalian kepada mengangkat dan menghidupkan tamadun masing-masing serta cuba untuk membina kekuatan sebagai gabungan negara-negara bukan Barat. Misalnya kecenderungan ke arah perubahan dalaman dan “pengAsiaan” (Asianization) di Jepun. Begitu juga tentang berakhirnya warisan Nehru dan “pengHinduan” (Hinduization) di India, kegagalan idea sosialisme dan nasionalisme Barat dan “pengIslam semula” Timur Tengah, debat tentang pembaratan yang bertentangan dengan proses ‘meRusiakan’ negara Rusia di bawah pemerintahan Boris Yeltsin.

Kelima, ciri dan perbezaan kebudayaan agak sukar untuk diubahsuai, dikompromi atau disesuaikan berbanding dengan ciri-ciri ekonomi dan politik. Malah faktor agama merupakan satu garis pemisah jelas yang membeza dan menjurangkan peradaban-peradaban. Jelasnya, dalam apa jua situasi pun tidak ada satu titik penyatuan bagi semua peradaban. Justeru, ini dilihat sebagai punca awal keretakan dan pertembungan di antara peradaban yang bakal meletuskan permusuhan dan peperangan yang berpanjangan, yang

telah dibuktikan oleh sejarah lalu. Selain daripada persoalan agama, soal etnik juga merupakan perkara penting yang sering menjadi mangsa diskriminasi antara kaum. Tegasnya, konflik peradaban berlaku pada dua tahap. Pada tahap mikro, kelompok yang bersempadan dengan garis konflik antara peradaban kerap berjuang bermati-matian untuk mendapatkan penguasaan wilayah dan menakluki antara satu sama lain. Pada tahap makro, negara daripada berlainan peradaban bersaing secara relatifnya untuk kuasa ketenteraan dan ekonomi, berjuang untuk menguasai institusi antarabangsa serta untuk mendapat sokongan pihak ketiga disamping bersaing untuk menyebarkan nilai politik dan agama masing-masing.<sup>4</sup>

## 1.8 Rumusan

Garis pemisah peradaban antara dunia kini bukan sahaja berdasarkan tetapi sejarah, bahasa, budaya, dan tradisi. Oleh itu, setiap peradaban adalah mewakili entiti budaya masyarakatnya. Ciri dan perbezaan kebudayaan, agama serta etnik merupakan sesuatu yang rigid berbanding ciri-ciri ekonomi dan politik. Justeru, jika tiada sikap tolak ansur serta sikap saling memahami terhadap peradaban-peradaban lain, pastinya boleh mencetuskan persaingan yang boleh menggugat keharmonian dunia.

## **NOTA HUJUNG**

<sup>1</sup> A. Aziz Deraman, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Arena Ilmu Sdn Bhd, Cetakan 1, 1992, hlm 13

<sup>2</sup> Toynbee, Arnold J.A. *Study of History*, London ; Oxford University Press, 1946.

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Ibid

---